

MAHASISWA DAN PENULISAN KERTAS KERJA AKADEMIK

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi K. A. (2015). Mahasiswa dan Penulisan Kertas Kerja Akademik in *Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Pengurusan Efektif untuk Berjaya Jilid II*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press, p. 25-41. ISBN: 978-983-52-1041-9.

INTRODUCTION

Salah satu perkara penting bagi mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi ialah menghasilkan kertas kerja akademik bagi setiap kursus yang mereka ambil. Penghasilan kertas kerja akademik ini merupakan salah satu elemen penting bagi mahasiswa untuk dibiasakan dan dihasilkan agar setiap pelajar mampu diasah bakat mereka untuk menulis dari awal sesuai dengan hasil akademik dalam bidang yang mereka ceburi.

Menulis kertas kerja akademik tidak semestinya mesti menunggu untuk pembentangan kertas kerja di seminar kebangsaan dan antarabangsa, dan bab dalam buku. Penulisan ini boleh dihasilkan sekalipun pembentangan hanya dilakukan untuk seminar kursus bagi sesuatu fakulti (Page & Brin, 2014). Penghasilan kertas kerja yang berkualiti pada hakikatnya adalah asas kepada penulisan yang lebih tinggi tingkatannya sekiranya para pelajar dibiasakan dengan penulisan akademik yang sebenar. Hal ini kerana menghasilkan kertas kerja akademik tidak sukar untuk mahasiswa sekiranya mereka dibiasakan dengan kaedah penulisan yang betul dalam membuat kertas kerja akademik (Creme, 2008).

Masalah yang paling besar bagi para mahasiswa ialah sikap para pensyarah sendiri yang tidak begitu peka untuk membantu para pelajar untuk menulis dan melaksanakan kerja kursus mengikut kaedah penulisan kertas kerja akademik yang betul. Hal ini ditambah lagi dengan sikap mahasiswa yang mengambil mudah dalam penulisan kertas kerja akademik sehingga hanya menghasilkan kertas kerja yang bersifat potong dan tampil (copy and paste) daripada mana-mana sumber tulisan dalam internet untuk dijadikan kertas kerja mereka. Mereka melakukan tugas-tugas kertas kerja tanpa sebarang aktiviti mengarang daripada hasil karangan mereka sendiri.

Oleh itu, bab ini cuba mengupas persoalan penghasilan kertas kerja yang bersifat potong dan tampil dari segi aspek etika akademik. Selain itu, bab ini juga memberikan panduan yang berguna untuk menghasilkan satu penghasilan kertas kerja akademik yang sebenar dan berkualiti.

REFERENCES

- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (1994). *Sahih al-Bukhari* (Abd al-Aziz 'Abdullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah s.a.w. wa Sunanahi wa Ayyamih - Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Khin, Mustafa Sa'id, Al-Bugha, Mustafa, Mastu, Mahyu al-Din, Al-Sharbiji, 'Ali, & Lutfi, Muhammad Amin. (1992). *Nuzhat al-muttaqin sharh Riyad al-Salihin min kalam Sayyid al-Mursalin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Amato, C. J. (1998). *The World's Easiest Guide to Using the APA: A User-Friendly Manual for Formatting Research Papers According to the American Psychological Association Style Guide* (Second Edition ed.). Westminster, CA: Stargazer Pub.
- Batane, Tshepo. (2010). Turning to Turnitin to Fight Plagiarism among University Students. *Journal of Educational Technology & Society*, 13(2), 1-12.

- Caren, Chris. (2014). Turnitin. Retrieved 23 September 2014, 2014, from <http://www.turnitin.com/>.
- Creme, P. (2008). *Writing at University: A Guide for Students*. Buckingham. England: Open University Press.
- Jasmi, Kamaru Azmi. (2014). *Kaedah Penulisan Kertas Kerja*. Skudai, Johor: Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamaru Azmi, Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, & Awang, Ramli. (2012). *Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Fakulti of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li, X., & Crane, N. B. (1996). *Electronic Styles: A Handbook for Citing Electronic Information*. Medford, NJ: Information Today.
- Muslim, Abu al-Husain. (2001). *Sahih Muslim* (Vol. 1-2). Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Nordin, Madzlina. (2009). Plagiat Jejas Imej, Integriti Pendidikan, *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_08.htm, [28/09/2009].
- Page, Larry, & Brin, Sergey. (2014). Inclusion Guidelines for Webmasters. from <http://scholar.google.com.my/intl/en/scholar/inclusion.html>, [31/12/2014].
- Roig, Miguel. (2006). Avoiding Plagiarism, Self-Plagiarism, and Other Questionable Writing Practices: A Guide to Ethical Writing. Retrieved 23 September 2014, 2014, from <http://www.cse.msu.edu/~alexliu/plagiarism.pdf>, [31/12/2014].
- Rosman, Arieff Salleh, Hassan, Ahmad Mahyuddin, Suratman, Azmi Shah, Ripin, Mohd Nasir, & Marni, Nurazmallail. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 1-14.
- Scanlon, Patrick M., & Neumann, David R. (2002). Internet Plagiarism Among College Students. *Journal of College Student Development*, 43(3), 374-385.
- Trimmer, J. (1998). *The Essentials of MLA Style: A Guide to Documentation for Writers of Research Papers, with an Appendix on APA Style*. Boston, Mass: Houghton Mifflin.
- Winkler, A. C. (1999). *Writing the Research Paper: A Handbook with Both the MLA and APA Documentation Styles* (Fifth Edition ed.). Forth Worth, TX: Harcourt Brace College Publishers.

2

MAHASISWA DAN PENULISAN KERTAS KERJA AKADEMIK

Kamarul Azmi Jasmi

PENGENALAN

Salah satu perkara penting bagi mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi ialah menghasilkan kertas kerja akademik bagi setiap kursus yang mereka ambil. Penghasilan kertas kerja akademik ini merupakan salah satu elemen penting bagi mahasiswa untuk dibiasakan dan dihasilkan agar setiap pelajar mampu diasah bakat mereka untuk menulis dari awal sesuatu hasil akademik dalam bidang yang mereka ceburi.

Menulis kertas kerja akademik tidak semestinya mesti menunggu untuk pembentangan kertas kerja di seminar kebangsaan dan antarabangsa, dan bab dalam buku. Penulisan ini boleh dihasilkan sekalipun pembentangan hanya dilakukan untuk seminar kursus bagi sesuatu fakulti (Page & Brin, 2014). Penghasilan kertas kerja yang berkualiti pada hakikatnya adalah atas kepada penulisan yang lebih tinggi tingkatannya sekiranya para pelajar dibiasakan dengan penulisan akademik yang sebenar. Hal ini kerana menghasilkan kertas kerja akademik tidak sukar untuk mahasiswa sekiranya mereka dibiasakan dengan kaedah penulisan yang betul dalam membuat kertas kerja akademik (Creme, 2008).

Masalah yang paling besar bagi para mahasiswa ialah sikap para pensyarah sendiri yang tidak begitu peka untuk membantu para pelajar untuk menulis dan melaksanakan kerja kursus mengikut kaedah penulisan kertas kerja akademik yang betul. Hal ini ditambah lagi dengan sikap

mahasiswa yang mengambil mudah dalam penulisan kertas kerja akademik sehingga hanya menghasilkan kertas kerja yang bersifat potong dan tampal (copy and paste) daripada mana-mana sumber tulisan dalam internet untuk dijadikan kertas kerja mereka. Mereka melakukan tugasannya kertas kerja tanpa sebarang aktiviti mengarang daripada hasil karangan mereka sendiri.

Oleh itu, bab ini cuba mengupas persoalan penghasilan kertas kerja yang bersifat potong dan tampal dari segi aspek etika akademik. Selain itu, bab ini juga memberikan panduan yang berguna untuk menghasilkan satu penghasilan kertas kerja akademik yang sebenar dan berkualiti.

ETIKA PENGHASILAN KERTAS KERJA AKADEMIK

Mengelak diri daripada melakukan plagiat merupakan penekanan yang sewajarnya ditekankan dalam diri oleh semua mahasiswa dalam menghasilkan kertas kerja kursus mereka. Istilah plagiat ini diambil daripada perkataan plagiarisme dan boleh didefinisikan sebagai perbuatan mencedok kata-kata, idea, dan lain-lain daripada karya orang lain dan menggunakan sebagai karyanya sendiri. Istilah yang tepat dalam bahasa Melayu ialah penjiplakan. Kalimah jiplak itu pula diambil daripada bahasa jawa dengan membawa maksud meniru atau mengutip karangan orang lain tanpa izin daripada penulisnya atau mencuri karangan orang lain. Jiplak juga boleh dimaksudkan sebagai meletakkan kertas kosong di atas gambar atau tulisan yang ada dan menirunya (*Kamus Dewan*, 2005).

Menurut Rosman *et al.* (2008) ketika membahaskan ciri tingkah laku plagiat dengan penjelasan bahawa bentuk plagiat yang dilakukan oleh mahasiswa ialah melanggan atau menggunakan khidmat penulis kertas kerja daripada individu atau syarikat yang menggunakan bayaran atau percuma untuk menghasilkan kertas kerja bagi pihaknya. Turut tergolong dalam kategori plagiat ini ialah meniru kertas kerja senior atau rakan setugas untuk dijadikan kertas dirinya sendiri sama ada dengan menaip semula atau dengan cara memotong dan menampal dengan menggunakan computer dan perisian, serta memetik fakta, idea, dan maklumat tanpa memberi kredit yang sepatutnya kepada penulis asal yang menghasilkannya.

Keburukan amalan plagiat ini sangat serius dalam kalangan mahasiswa dengan wujudnya kemudahan internet (Nordin, 2009). Tanpa sebarang susah payah untuk mengarang, mahasiswa hanya melakukan aksi memotong

dan menampal karangan orang lain yang didapati dalam internet dan buku kepada kertas kerja mereka. Kerja memotong dan menampal ini menjadikan mereka menghasilkan sesuatu kertas kerja bersifat plagiat ini dalam masa tidak sampai 15 minit sahaja. Kelakuan ini sangat buruk dari segi etika penulisan sekalipun tujuan sebenar penghasilan kertas kerja kursus adalah untuk para pelajar mendapatkan maklumat dan memahami sesuatu persoalan dengan mengkaji tulisan orang lain (Scanlon & Neumann, 2002; Batane, 2010). Akibatnya, terdapat penghasilan kertas kerja yang diakui oleh mahasiswa sebagai tulisan mereka dapat dibuktikan sebagai 100 peratus atau hampir 100% daripada hasil tulisan tersebut adalah daripada karangan orang lain. Mereka hampir tidak mengarang langsung dan hanya menyalin dan menampal dalam kertas kerja mereka. Hal ini dapat diketahui apabila tulisan mereka ini dinilai dengan menggunakan software turnitin online (Caren, 2014; Roig, 2006).

PENGHASILAN KERTAS KERJA AKADEMIK


Panduan penghasilan kertas kerja akademik merupakan satu cubaan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar cara untuk menghasilkan kertas kerja yang bersifat akademik tanpa terdapat unsur plagiat. Penghasilan kertas kerja yang baik ini perlu kepada gabungan yang penstrukturran yang sistematik dan kreatif. Langkah berikut perlu diambil kira, iaitu format penulisan kertas kerja, pembentukan isi, kesinambungan wacana, dan rujukan esei dan rujukan akhir yang mantap. Semuanya akan dibincangkan secara padat dalam bahagian ini.

Format Penulisan Kertas Kerja akademik

Format penulisan kertas kerja akademik bermaksud bahawa penulis menulis kertas kerja dengan ada perkara asas dalam kertas kerja, iaitu tajuk kertas kerja, nama penulis, institusi, pengenalan, isi, rumusan atau penutup, dan rujukan. Ciri begini merupakan ciri asas yang dikehendaki oleh Google Scholar bagi memudahkan mereka mengesan kertas kerja atau tulisan akademik (Page & Brin, 2014)

Setiap universiti di dunia pula boleh menjadikan tulisan kertas kerja ini untuk diuploadkan kepada sistem Institution Repository (IR) universiti masing-masing agar manfaat dari sistem ini dapat dimanfaatkan oleh orang ramai. Google Scholar menjadikan sumber

IR sebagai sumber utama bagi para cendekiawan mempersembahkan tulisan mereka kepada orang ramai. Bahkan pihak Google Scholar membantu para cendekiawan untuk mengindeks hasil tulisan tersebut bagi menunjukkan bahawa tulisan mereka digunakan oleh orang lain dalam *My Citation*. Gambaran indeks my citation seperti mana yang digambarkan dalam Gambar 1. Oleh sebab itu, bagi para mahasiswa yang mahu tulisan mereka diterima sebagai tulisan akademik, maka mereka perlu menulis kertas kerja secara bersama dengan pensyarah mereka masing-masing. Tulisan itu mestilah bermutu sehingga pensyarah yang membaca tulisan mereka boleh menerima sebagai salah satu daripada tulisan akademik bersama.



Gambar 1 Gambaran Citation Indeks oleh Google Scholar terhadap tulisan dan kertas kerja akademik para pensyarah dan para pelajar mereka dalam *My Citation*

Kebiasaan tulisan atau penulisan akademik ini adalah dalam beberapa bentuk, iaitu artikel jurnal, bab dalam buku, kertas kerja persidangan, dan kertas kerja workshop. Kertas kerja pembentangan pula boleh datang daripada kertas kerja untuk kuliah, ucapan tama, dan pembentangan pensyarah, atau pelajar dalam persidangan peringkat fakulti, universiti, negeri, negara, atau international. Apa yang lebih penting ialah struktur tulisan itu mengikut format yang digambarkan Gambar 2 (Creme, 2008).

Sebagai contoh, standard penggunaan huruf kecil dan besar boleh digunakan dalam tulisan kertas kerja oleh sesebuah institusi kepada mahasiswa seperti kedudukan tajuk, nama, institusi di bahagian tengah. Tajuk distandardkan dengan menggunakan huruf 16, besar keseluruhan, dan *diboldkan*. Manakala nama pengarang dengan huruf 12, besar pangkalnya dan *diboldkannya*. Manakala institusi pula ditulis huruf tulisan biasa 12 dengan pangkalnya besar.

Pengenalan merupakan tajuk pemula dalam kertas kerja yang menggunakan huruf 14 dan besar keseluruhannya. Manakala isinya adalah huruf 12. Tajuk-tajuk berikutnya yang utama juga adalah seperti format pengenalan. Subtajuk pertama selepas tajuk utama perlu menggunakan huruf 12, maka huruf pangkal adalah besar dan *diboldkan*. Subtajuk kedua pula hendaklah dibesarkan pangkal huruf dan keseluruhan adalah berbentuk *italic*. Limitasi kertas kerja hendaklah padat antara 10 hingga 15 halaman dengan keadaan *single spacing*.

Selain itu, setiap paragraph tidak diselangi dengan apa-apa selangan. Begitu juga antara tajuk, subtajuk, sub-subtajuk dengan paragraph juga tidak adalah *space* penyelang. Selangan dengan satu selangan pula hanya ada bagi paragraph akhir dengan tajuk.

Pembentukan Isi

Pembentukan isi yang mantap pula memerlukan usaha merangka isi dan mencedok idea dengan cara yang betul dan tepat dan tidak berlaku sebarang plagiat (Scanlon & Neumann, 2002; Roig, 2006; Rosman *et al.*, 2008; Nordin, 2009; Jasmi *et al.*, 2012; Jasmi, 2014). Rangka isi diperlukan agar penulisan tidak tersasar daripada tajuk yang hendak ditulis. Sebaik-baik rangka isi ini adalah daripada hasil pembacaan daripada sumber yang banyak atau hasil daripada perbincangan dengan pakar bidang dalam sesuatu tulisan yang hendak ditulis. Paling tidak rangka isi adalah brainstorming daripada sekumpulan pemikiran.

Peringkat kedua daripada pembentukan isi pula ialah mengambil dan mencedok idea daripada pelbagai sumber seperti ensiklopedia, kamus, buku, maklumat internet, dan sumber lain seperti surat khabar atau majalah. Cara yang betul untuk mencedok idea adalah dengan membaca mengambil makna daripada sumber rujukan dan mengarangkan dalam bentuk ayat sendiri (Creme, 2008)i. Cara ini contoh terbaik mengolah isi. Sebagai contoh petikan paragraph berikut:

Rasulullah s.a.w. menggalakkan umatnya supaya berfikir dengan sesuatu yang dapat mencegah perasaan dan keinginan anak-anak untuk berseronok. Punca utama anak-anak, terutamanya remaja mudah terjerumus kepada perkara yang dilarang oleh agama atau melanggar perintah agama adalah kerana mereka mengutamakan keseronokan dalam kehidupan. Andainya mereka berfikir tentang maut yang sentiasa menunggu masa menerkam diri mereka, dapat menyebabkan hati mereka merasa takut untuk melakukan maksiat. Situasi ini dapat menggalakkan mereka melakukan ketaatan semoga mati dalam *husnu al-khatimah* (Al-Khin *et al.*, 1992: 424).

Gambar 3 Contoh petikan pembacaan dalam sesuatu buku dari Jasmi & Md Salleh (2007: 8)

Berdasarkan Gambar 3, penulis buku Jasmi & Md Salleh (2007) telah mengambil makna daripada (Al-Khin *et al.*, 1992: 424). Paragraph ini apabila dikeluarkan isinya, maka boleh disenaraikan seperti berikut:

- (1) Peranan mengingati mati untuk mencegah diri daripada terlampaui berseronok dalam kehidupan dunia dengan melakukan dosa.
- (2) Mengingati mati itu juga, seseorang akan mentaati perintah Allah S.W.T. pula dengan lebih bersungguh-sungguh.

Isi ini kemudian boleh diolah dan dihurai dalam kertas kerja mahasiswa dengan menggunakan ayat mereka sendiri. Kemungkinan contoh ayat yang dibentuk oleh mahasiswa menjadi ayat seperti berikut:

Perkara yang boleh menghilangkan rasa keinginan melakukan maksiat dan seterusnya melakukan pelanggaran terhadap perintah Allah S.W.T. ialah dengan melalui mengingati mati pada kebanyakan masa. Manusia yang mengingati mati akan lebih cenderung untuk meningkatkan amal dan takut untuk melakukan dosa (Jasmi & Md Salleh, 2007: 8).

Gambar 4 Petikan contoh tulisan pelajar dengan mereka bentuk ayat sendiri dan meletakkan rujukan daripada buku yang mereka baca

Berdasarkan Gambar 4, ini merupakan contoh pelajar mereka bentuk sendiri isi yang telah dikeluarkan daripada pembacaan daripada sumber Gambar 3. Oleh kerana idea ini diambil daripada buku Jasmi & Md Salleh (2007: 8), maka rujukan dalam eseai bagi idea yang diambil boleh ditulis sebagai: (Jasmi & Md Salleh, 2007) atau ditambah pada hujungnya dengan halaman seperti: (Jasmi & Md Salleh, 2007: 8) dalam paragraph eseai pelajar (Jasmi *et al.*, 2012).

Dalam hal ini, para pelajar tidak sama sekali boleh mengambil rujukan yang digunakan oleh Jasmi & Md Salleh (2007) seperti dalam Gambar 4 yang meletakkan rujukan (Al-Khin *et al.*, 1992: 424). Jika melakukan sedemikian, pelajar dikira menipu dalam penulisan. Namun, hal ini terkecuali jika pelajar merujuk semula sumber daripada buku asal dalam bahasa Arab yang digunakan oleh Jasmi & Md Saleh (2007).

Gambar 5 menunjukkan contoh yang berbeza dalam memetik sesuatu sumber secara pukal. Setiap *quotation* yang dipetik kurang daripada tiga baris, maka hendaklah petikan tersebut diletakkan sahaja dalam paragraph kertas kerja para pelajar. Sebagaimana contoh petikan daripada Al-Bukhari (1994: 459) dan Muslim (2001: 4684) dalam tulisan Jasmi & Tamuri (2011: 16).

Prinsip akidah ini menjadi teras dalam dasar kemasyarakatan Islam sehingga diumpamakan setiap anggota masyarakat Muslim itu sebagai satu batang tubuh yang tidak terpisah antara satu sama lain kerana kepercayaan dan keimanan yang satu ini. Mereka perlu memperkuat dan mengambil berat antara satu sama lain atas dasar akidah ini. Satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 1994: 459; Muslim, 2001: 4684) yang bermaksud: *Abu Musa berkata bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya perbandingan antara seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain seumpama satu bangunan yang saling kukuh-memperkuat setengahnya dengan setengah yang lain."*

Atas dasar akidah yang satu ini juga, seluruh masyarakat Islam diwajibkan berkasiyah sayang, belas kasihan, dan hormat-menghormati antara satu sama lain, serta mengambil berat antara satu sama lain. Hal ini demikian sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. (Al-Bukhari, 1994: 5552):

*Al-Nu'man bin Bashir katanya, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda,
"Diumpamanya orang mukmin dalam kasih sayang, kasihan
belas, dan berlemah lembut (hormat-menghormati) adalah*

seperti satu anggota badan (jasad), apabila satu anggota dari tubuh badan itu mengadu kesakitan maka seluruh anggota badan yang lain turut merasa kesakitan dengan berjaga malam dan panas badan (demam)."

(Al-Bukhari)

Hadis ini membawa maksud bahawa perumpamaan setiap individu masyarakat Islam adalah seumpama satu tubuh badan, iaitu setiap anggota badan akan menumpukan bahagian badan yang sakit untuk dikurang atau dihilangkan sakitnya. Begitu juga umpamanya masyarakat Islam, apabila sebahagian daripada anggota masyarakat dizalimi, disakiti, dan dimalukan, maka individu masyarakat Islam yang lain akan mempertahan dan memperjuangkan anggota masyarakat itu dari dizalimi, disakiti dan dijatuhkan maruahnya.

Gambar 5 Contoh petikan *qoatation* yang digunakan oleh Jasmi & Tamuri (2011: 16)

Sekiranya petikan melebih tiga baris, maka paragraph baru akan dibina dengan tulisan 11 daripada tulisan asal 12. Kiri dan kanan paragraph juga dikecilkan masing-masing berkadar 0.3 inci. Hal ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam petikan Al-Bukhari (2001: 5552).

Cara yang sama juga dilakukan sekiranya seseorang pelajar tersebut memetik kata-kata daripada mana-mana sumber. Namun, petikan seperti ini tidak dibenarkan untuk diambil dengan dengan cara yang banyak. Biasanya petikan diambil untuk menimbulkan rasa kepelbagaiannya cara penulisan dalam sesuatu kertas kerja. Itupun biasanya petikan tersebut diambil kerana kata-kata yang indah yang diambil akan memberi kesan kepada penulisan kertas kerja. Apa yang lebih penting, petikan yang diambil pukal seperti ini wajib ditulis halaman tempat diambil bersama dengan nama penulis dan tahunnya. Sekiranya petikan tersebut datang daripada sumber hadis, maka tempat halaman tersebut digantikan dengan nombor hadis. Contoh dalam Gambar 5 yang menggunakan nombor hadis seperti (Al-Bukhari, 2001: 459; Muslim, 2001: 4684). Sekiranya daripada sumber al-Quran dan hadis, maka halaman tidak perlu diletakkan, hanya nama surah, nombor surah dan nombor ayat bagi al-Quran dan perawi, tahun cetakan, dan nombor hadis bagi petikan hadis.

Berdasarkan Gambar 5 juga selepas petikan al-Bukhari (1994: 5552) diletakkan, ulasan ditulis selepas petikan. Ulasan yang dikemukakan bagi

menjelaskan maksud hadis ini tidak memerlukan sebarang sumber rujukan untuk ditulis. Hal ini demikian bermaksud bahawa seseorang yang membuat ulasan, menyatakan pandangan, dan membuat kesimpulan, maka tulisan seperti ini tidak memerlukan kepada sebarang rujukan (Jasmi *et al.*, 2012).

Rujukan Esei Kertas Kerja

Perbezaan yang paling penting antara penulisan akademik dan penulisan bukan akademik ialah dari segi rujukan esei dan rujukan akhir (Creme, 2008). Dalam bidang sains sosial seperti pendidikan kebiasaan kaedah rujukan menggunakan sistem rujukan APA (Winkler, 1999; Trimmer, 1998; Amato, 1998). Oleh itu, kertas kerja yang tidak mempunyai rujukan esenya dan rujukan akhir adalah kertas kerja yang tidak memiliki ciri penulisan akademik. Untuk menulis rujukan esei perkara berikut boleh dijadikan panduan, iaitu:

Bahagian Isi Kertas Kerja

Pada bahagian isi kandungan kertas kerja rujukan asei adalah sangat penting. Panduan rujukan adalah seperti berikut:

- (1) Para pelajar wajib menulis rujukan esei pada setiap petikan fakta yang diambil daripada buku, majalah, jurnal, kamus, inscylopedia dan lain-lain sumber. Penulisan mestilah mengandungi nama pengarang, tahun dicetak dan muka surat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 3, Gambar 4, dan Gambar 5 yang ditulis dalam kurungan.
- (2) Sebarang ulasan, komen, dan rumusan, maka tulisan seperti ini tidak perlu kepada rujukan sebagaimana ulasan hadis yang dilakukan dalam Gambar 5.
- (3) Pelajar boleh menggunakan nama penulis dalam paragraph esei. Pada ketika, rujukan dalam teks hendaklah ditulis tahun dan halaman yang diletakkan dalam kurungan selepas nama tersebut ditulis. Contoh tulisan esei seperti ini adalah seperti Gambar 6.

“Menurut Paredis (1993: 30), sebilangan besar masalah utama penjadualan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi dan kejuruteraan tergolong ke dalam kelas masalah pengoptimuman kekangan.”

Gambar 6 Contoh rujukan yang menggunakan nama pengarang dalam paragraph tulisan

- (4) Atau jika nama pengarang tidak ditulis dalam ayat, maka nama dan tahun serta halaman diletakkan dalam kurungan bersama. Rujukan seperti ini biasanya diletakkan pada bahagian akhir paragraph. Contoh rujukan seperti ini adalah seperti Gambar 7.

“Oleh itu, penyelidikan terhadap kaedah penyelesaian yang berkesan bagi masalah pengoptimuman kekangan ini menjadi suatu bidang kajian yang popular dewasa ini (Paredis, 1993: 30).”

Gambar 7 Contoh rujukan yang tidak menggunakan nama penulis dalam paragraph tulisan

- (5) Sekiranya bahan sumber yang dirujuk dihasilkan oleh dua pengarang, tuliskan nama kedua- dua pengarang sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 8.

“Penjadualan senggaraan telah lama dikaji, contohnya dalam penghasilan kuasa oleh Kralj dan Petrovic (1995: 213) . . .”

Gambar 8 Contoh rujukan daripada satu sumber yang mempunyai dua nama pengarang

- (6) Bagi tiga pengarang atau lebih, tuliskan *et al.* Diletakkan selepas nama pengarang pertama dan nama pengarang lain tidak diletakkan. Hal ini sepetimana Gambar 9.

“Safaai Deris *et al.* (1997: 312), menggunakan pendekatan tersebut ke atas jadual waktu Universiti.”

Gambar 9 Contoh rujukan daripada sumber yang mempunyai lebih daripada dua pengarang

- (7) Gunakan huruf kecil (a,b,c), untuk mengenalpasti dua atau lebih penerbitan oleh pengarang yang sama dan dikeluarkan pada tahun yang sama sepetimana yang ditunjukkan dalam Gabar. Contoh rujukan ini sebagaimana Gambar 10.

“Contoh perisian yang menggunakan bahasa pengaturcaraan kekangan ialah ILOG Solver oleh Puget dan Albert (1994a: 31).”

“Penggunaan objek amat meluas, terutama dalam pengaturcaraan kepintaran buatan (Puget dan Albert, 1994b: 312).”

Gambar 10 Contoh rujukan daripada sumber yang mempunyai nama pengarang dan tahun yang sama

- (8) Sumber atau idea yang dipetik dan diambil, sedangkan idea tersebut terdapat dalam dua sumber yang berlainan, maka masing-masing rujukan ditulis dan rujukan dipisahkan oleh semi-kolon. Contoh ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 11.

Globalisasi mempunyai kesan ketara dalam negeri apabila Britain di bawah Parti Buruh Baru (Axford, 2000; Krieger, 1999).

Gambar 11 Contoh rujukan daripada sumber dua sumber yang berlainan

- (9) Rujuk silang (cross reference) tidak dibenarkan dalam penulisan akademik khususnya ketika membuat tesis peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Pelajar hendaklah merujuk kepada sumber bahan rujukan yang asal.

Kunci utama dalam menulis rujukan dalam teks adalah menyatakan dengan tepat sumber bahan yang digunakan dalam penulisan mereka.

Bahagian Senarai Rujukan atau Bibliografi

Sistem yang paling mudah untuk menulis senarai rujukan ialah dengan menjadikan nama keluarga atau bapa sebagai rujukan utama dalam eseи dan senarai rujukan. Hal ini memudahkan persamaan rujukan antara penulis timur dan Barat dan dapat meningkatkan jumlah citation pada setiap penulisan yang dilakukan oleh seseorang penulis (Winkler, 1999; Trimmer, 1998; Amato, 1998). Penulis Barat menggunakan nama keluarganya dan diikuti oleh singkatan nama lain. Sebagai contoh:

John Neville Pavlovic ditulis : Pavlovic, J. N.

Manakala nama Melayu, gunakan nama bapa sebagai rujukan dan nama sebenar sebagai singkatan. Sebagai contoh:

Mohd Noor Abdullah ditulis : Abdullah, M. N.

Seterusnya nama Arab atau berunsur Arab maka nama keluarganya atau nama pengarang digunakan. Sebagai contoh:

Syed Muhammad Naquib Al-Attas ditulis : Al-Attas, S. M. N.

Format menulis nama pengarang berserta maklumat penerbitan terdiri daripada penulisan pengarang perseorangan dan kumpulan, penyunting atau penyusun penulis atau penyunting korporat.

(1) Pengarang Perseorangan dan Kumpulan: Contoh untuk satu pengarang:

Veres, S. M. (1990). *Structure Selection of Stochastic Dynamic Systems*. New York: Gordon and Breach Science Publishers.

Contoh untuk dua atau lebih pengarang:

Puget, J. F. and Albert, P. (1994a). *Solver: Constraints – Objects Descriptions*. Technical Report. ILOG S. A.
Pergantis, S. A., Cullen, W. R., Chow, D. T. and Elgendor, G. K. (1997). Liquid Chromatography and Mass Spectrometry for the Speciation of Arsenic Animal Feed Additives. *Journal of Chromatography A*. 764. 211- 222.

(2) Penyunting atau Penyusun. Contoh:

Martin, A. M. ed. (1991). *Peat as an Agent in Biological Degradation of Waste*. London: Elsevier. 314–362.
Lees, R. H. and Thomas T. R. eds. (1974). *Chemical Nomenclature Usage*. Chischester: Ellis Horwood.

(3) Penulis atau Penyunting Korporat. Contoh:

Engineers Joint Council (1969). *Thesaurus of Engineering and Scientific Terms*. New York: Engineers Joint Council.
American Chemical Society ed. (1978). *Handbook for Authors of American Chemical Society Publications*. Washington, D. C.: American Chemical Society.

Dalam penulisan kertas kerja, pelajar akan merujuk berbagai jenis bahan sumber. Contoh berikut adalah sebagai panduan untuk menulis bahan rujukan mengikut jenisnya ke dalam senarai rujukan.

(1) Buku. Susunan rujukan seperti berikut: Nama penulis (Tahun). *Judul Buku*. Edisi. Tempat terbit: Penerbit. Contoh:

Theusen, G. J. and Fabrycky, W. J. (1984). *Engineering Economy*. 6th ed. Englewood Cliffs, N. J.: Prentice-Hall.

(2) Artikel dalam buku. Susunan rujukan seperti berikut: Nama pengarang artikel (Tahun). Judul Artikel. Dlm. Nama pengarang buku. *Judul Buku*. Tempat terbit: Penerbit. hlm. Contoh:

Sukiman Sarmani (1987). Pencemaran Radioaktif. Dlm. Ahmad Badri Mohamad. *Perspektif Persekutaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti. 71 - 87.

(3) Artikel dalam jurnal Susunan rujukan seperti berikut: Nama penulis (Tahun). Judul Artikel. *Judul Jurnal*. Jilid (nombor): hlm. Sebagai contoh:

Billings, S. A. (1980). Identification of Nonlinear Systems: A survey. *Proc. Instn Electr. Engrs, Part D*. 127(6): 272- 284.

(4) Artikel daripada persidangan. Susunan rujukan seperti berikut: Nama penulis. (Tahun). Judul Artikel. Tajuk Persidangan. Tarikh Persidangan. Tempat diterbit: Nama Penerbit. hlm. Sebagai contoh:

Sheta, A. F. and De Jong, K.(1996). Parameter Estimation of Nonlinear Systems in Noisy Environments Using Genetic Algorithms. *Proceedings of the 1996 IEEE International Symposium on Intelligent Control*. September 15-18. Dearborn, Michigan: IEEE, 360- 365.

- (5) Tesis. Susunan rujukan seperti berikut: Nama Penulis (Tahun). Judul. Nama Institusi: Tesis/Disertasi. Sebagai contoh:

Ahmad Zaki Abu Bakar (1989). Pemprosesan Teks Bahasa Melayu Untuk Pemahaman Komputer. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.

- (6) Perundangan. Susunan rujukan seperti berikut: Nama negara (Tahun). *Judul Perundangan* . : Nombor perundangan. Sebagai contoh:

Malaysia (1983). *Perintah Monumen Lama dan Tapak Tanah Bersejarah* . P.U.(A)41 1983.

- (7) Piaawai. Susunan rujukan seperti berikut: Nama institusi (Tahun). *Judul Piaawai*. Tempat terbit, Nombor piaawai. Sebagai contoh:
(8) Bahan Sumber Yang Tidak Diterbitkan. Susunan rujukan seperti berikut: Tuliskan mengikut format sama seperti di atas, tetapi ditulis *Tidak diterbitkan* diakhirnya.
(10) Sumber internet boleh digunakan, tetapi tidak boleh lebih daripada 30% daripada sumber rujukan. Namun penggunaan masih terikat dengan pengambil maklumat perlu menulis semula dalam bentuk karangan mereka sendiri dengan isi dan idea diambil daripada laman web tertentu. Tindak penulis seterusnya ialah dengan memberikan kredit kepada sumber asal tempat diambil. Namun perlu diingat bahawa hanya daripada laman sesawang yang berautoriti dan bukan bersifat persendirian yang tidak dinyatakan nama penuh sebenar penulisnya sahaja yang boleh diambil untuk ditulis dalam kertas kerja. Sumber yang diambil daripada internet, maka cara menuulis sumber rujukan internet adalah seperti berikut (Li & Crane, 1996):

Merriam-Webster Dictionary. <http://www.m-w.com/cgi-bin/dictionary?book=Dictionary&va=world>, (12.5.1998).

- Suhaimi, N. H. (1998). *Kota Sebagai Pusat Perkembangan Peradaban Malaysia*. <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/kspp.pdf> (12.5.1998).
- Kamarudin, R. (1998). *Majalah Budaya edisi 99*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/budaya 99/DB03TRA.htm>, (15. 6.1998).

Laman sesawang individu yang ada menulis artikel tanpa nama penuh tidak dibenarkan dalam penulisan akademik kerana tulisan mereka ini tidak mempunyai nilai kebertanggungjawaban. Manakala sumber internet tidak boleh lebih daripada 30% adalah kerana penggunaan sumber internet yang terlalu banyak mengurangkan nilai dan mutu sesuatu kertas kerja yang dilakukan oleh para mahasiswa.

RUMUSAN

Bab ini telah mengupas etika penghasilan kertas kerja akademik dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai ciri yang terjauh daripada elemen plagiat yang terkeji dalam penulisan kertas kerja. Penulisan kertas kerja akademik mahasiswa terdiri daripada pembentukan isi yang diambil daripada idea atau quotation yang datang daripada pembacaan buku akademik atau separa akademik. Selain itu, ciri asas penulisan kertas kerja yang bernilai akademik apabila terdapat rujukan dalam eseи yang menggunakan APA sistem. Bahagian akhir daripada penulisan kertas kerja pula terkandung senarai rujukan yang juga berdasarkan APA sistem.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (1994). *Sahih al-Bukhari* (Abd al-Aziz ‘Abdullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah s.a.w. wa Sunanīhi wa Ayyamīhi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Khin, Mustafa Sa‘id, Al-Bugha, Mustafa, Mastu, Mahyu al-Din, Al-Sharbiji, ‘Ali, & Lutfi, Muhammad Amin. (1992). *Nuzhat al-muttaqin sharh Riyad al-Salihin min kalam Sayyid al-Mursalin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Amato, C. J. (1998). *The World's Easiest Guide to Using the APA: A User-Friendly Manual for Formatting Research Papers According*

- to the American Psychological Association Style Guide (Second Edition ed.). Westminster, CA: Stargazer Pub.
- Batane, Tshepo. (2010). Turning to Turnitin to Fight Plagiarism among University Students. *Journal of Educational Technology & Society*, 13(2), 1-12.
- Caren, Chris. (2014). Turnitin. Retrieved 23 September 2014, 2014, from <http://www.turnitin.com/>.
- Creme, P. (2008). *Writing at University: A Guide for Students*. Buckingham. England: Open University Press.
- Jasmi, Kamaru Azmi. (2014). *Kaedah Penulisan Kertas Kerja*. Skudai, Johor: Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamaru Azmi, Nor Muhamad, Nasrul Hisyam, & Awang, Ramli. (2012). *Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Fakulti of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li, X., & Crane, N. B. (1996). *Electronic Styles: A Handbook for Citing Electronic Information*. Medford, NJ: Information Today.
- Muslim, Abu al-Husain. (2001). *Sahih Muslim* (Vol. 1-2). Beirut: Al -Maktabah al-Asriyyah.
- Nordin, Madzlina. (2009). Plagiat Jejas Imej, Integriti Pendidikan, *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_08.htm, [28/09/2009].
- Page, Larry, & Brin, Sergey. (2014). Inclusion Guidelines for Webmasters. from <http://scholar.google.com.my/intl/en/scholar/inclusion.html>, [31/12/2014].
- Roig, Miguel. (2006). Avoiding Plagiarism, Self-Plagiarism, and Other Questionable Writing Practices: A Guide to Ethical Writing. Retrieved 23 September 2014, 2014, from <http://www.cse.msu.edu/~alexliu/plagiarism.pdf>, [31/12/2014].
- Rosman, Arief Salleh, Hassan, Ahmad Mahyuddin, Suratman, Azmi Shah, Ripin, Mohd Nasir, & Marni, Nurazmallail. (2008). Persepsi

- Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 1-14.
- Scanlon, Patrick M., & Neumann, David R. (2002). Internet Plagiarism Among College Students. *Journal of College Student Development*, 43(3), 374-385.
- Trimmer, J. (1998). *The Essentials of MLA Style: A Guide to Documentation for Writers of Research Papers, with an Appendix on APA Style*. Boston, Mass: Houghton Mifflin.
- Winkler, A. C. (1999). *Writing the Research Paper: A Handbook with Both the MLA and APA Documentation Styles* (Fifth Edition ed.). Forth Worth, TX: Harcourt Brace College Publishers.